

Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas Meningkatkan Motivasi dan Keyakinan Bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Sekolah Rendah

Task-Based Teaching and Learning Increase Motivation to Speak Malay Language among Primary School Pupils

Zainaba Omar

ozasrid@yahoo.com

Kementerian Pendidikan Singapura, Singapura

Mahzan Arshad

mahzan@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Norliza Jamaludin

norliza@fbk.upsi.edu.sg

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Received: 28 May 2020; Accepted: 25 June 2020; Published: 28 June 2020

To cite this article (APA): Omar, Z., Arshad, M., & Jamaludin, N. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas Meningkatkan Motivasi dan Keyakinan Bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Sekolah Rendah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 122-132. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.1.9.2020>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.1.9.2020>

ABSTRAK

Tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Singapura menunjukkan peningkatan penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid darjah satu di rumah berlaku dalam kalangan keluarga Melayu daripada 18 peratus pada tahun 1999 kepada 67 peratus pada tahun 2019. Hal ini menyebabkan murid kurang atau tidak mendapat pendedahan kepada persekitaran yang sesuai untuk bertutur bahasa Melayu justeru tidak dapat bertutur bahasa Melayu dengan fasih. Kajian ini bertujuan untuk meneroka penggunaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas (PPBT) yang diubahsuai daripada model PPBT Ellis dan Model PPBT Willis untuk meningkatkan motivasi murid belajar dan bertutur bahasa Melayu di sekolah. Melalui tugas yang menjadi elemen utama PPBT, murid akan berpeluang menggunakan bahasa Melayu secara aktif. Kajian tinjauan ini menggunakan seramai 30 orang murid daripada sebuah sekolah rendah. Mereka telah diajar dengan menggunakan kaedah PPBT yang diubahsuai ini selama lima minggu. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik. Respons daripada soal selidik menunjukkan 100% daripada murid yang berasa terangsang untuk belajar dan bertutur dalam bahasa Melayu. Mereka juga percaya bahawa mereka akan dapat bertutur dengan lebih baik sekiranya mereka terus melakukan tugas dengan giat lagi. 100% juga menyatakan bahawa mereka berasa seronok melakukan tugas yang diberikan dan akan melakukan tugas-tugas itu jika diberikan peluang lagi. Kesimpulannya, PPBT dapat digunakan untuk meningkatkan motivasi dan keyakinan untuk bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah. Dapatan daripada kajian ini dapat digunakan bagi membantu para guru Bahasa Melayu, menambah nilai kepada pengajaran bahasa Melayu di Singapura.

Kata Kunci: berasaskan tugas; kemahiran bertutur; motivasi; keyakinan



ABSTRACT

The survey conducted by the Ministry of Education of Singapore showed an increase in the use of English language among Malay pupils entering primary one classes from 18 percent in 1999 to 67 percent in 2019. This has resulted in less exposure to speak Malay language fluently. Thus, this study aims to explore the use of Task-based Language Teaching and Learning (TBTL) which was adapted from Ellis and Willis TBTL models to motivate pupils to learn and speak the language in school. Tasks being the key element in TBTL enable pupils to use the language actively in the classroom. A total of 30 primary 5 pupils from a primary school were taught using the modified TBTL method for five weeks. The instruments used are questionnaire. The responses from the questionnaires showed 100% of students feel stimulated to learn and speak the Malay language. They also believe that they will be able to speak better if they continue to do their work more actively. 100% also stated that they enjoy doing the tasks given and will do those tasks if given another chance. Hence, it is concluded that TBTL can be used to motivate pupils to speak the language confidently. In general, the findings can be used by Malay teachers to add value to the teaching and learning of the Malay language in Singapore.

Keywords: task-based; speaking skills; motivation; confidence

PENGENALAN

Dalam konteks pendidikan dwibahasa di Singapura, setiap murid yang menuntut di Singapura sejak darjah 1, diwajibkan menguasai bahasa Inggeris dan satu lagi bahasa ibunda, sama ada bahasa Mandarin, bahasa Melayu atau bahasa Tamil; mengikut etnik masing-masing. Objektif pembelajaran bahasa ibunda adalah untuk membolehkan para murid memahami dan membina identiti unik mereka melalui penghayatan yang mendalam tentang budaya, tradisi, sastera dan sejarah. Hal ini merupakan asas penting untuk mengekalkan penyaluran nilai-nilai budaya dan tradisi yang berkaitan dengan bahasa ibunda. Pemerintah Singapura mahu memastikan bahawa bahasa ibunda terus menjadi bahasa yang hidup dan bukan dimuridi setakat untuk tujuan peperiksaan (Kementerian Pendidikan, 2010). Bahasa Inggeris pula merupakan bahasa perhubungan, bahasa ilmu dan teknologi serta penyatu masyarakat majmuk Singapura. Oleh itu, peruntukan masa untuk belajar bahasa Inggeris adalah lebih berbanding dengan peruntukan masa untuk pengajaran bahasa Melayu di sekolah. Hal ini menyebabkan semakin ramai murid yang tidak tahu atau kurang fasih bertutur bahasa Melayu, malahan mereka kurang berminat untuk belajar bahasa Melayu (Kementerian Pendidikan, 2010). Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas untuk menerapkan motivasi dan keyakinan untuk bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah di Singapura.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Tinjauan yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Singapura (Zhou, 2019) menunjukkan peningkatan penggunaan bahasa Inggeris di rumah oleh penutur bahasa Melayu daripada 18 peratus pada tahun 1999 kepada 67 peratus pada tahun 2019. Dasar dwibahasa yang diamalkan di Singapura telah menyebabkan lebih ramai keluarga Melayu lebih selesa dan fasih bertutur bahasa Inggeris (Low, 2017). Ibu bapa juga lebih memberikan penekanan kepada bahasa Inggeris dan mula mempersoalkan nilai menguasai pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan murid mempunyai masalah dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan dalam bahasa Melayu. Kos kata yang dimiliki oleh mereka juga amatlah terhad sehingga menyukarkan mereka untuk meneruskan sesuatu perbualan dalam bahasa Melayu dengan fasih (Kementerian Pendidikan, 2010). Selain itu, guru-guru terpaksa menggunakan kaedah penterjemahan ketika mengajar bahasa Melayu bagi membantu murid untuk memahami perkara yang diajarkan. Hal ini menyebabkan para murid kurang mendapat pendedahan kepada bahasa Melayu serta penguasaan kos kata yang amat terhad. Para murid sering menggunakan 'code-switching' atau alih kod kepada bahasa Inggeris ketika bertutur dan akhirnya amalan 'code-switching' ini menjadi lumrah di dalam bilik darjah (Tan & Firqin, 2018).

Pencerapan bilik darjah yang dilakukan oleh pihak Kementerian Pendidikan Singapura turut mendapati kurangnya penglibatan murid semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Kementerian Pendidikan, 2010). Ramai guru bahasa Melayu yang masih mengamalkan kaedah



kuliah atau penerangan. Walaupun prinsip ini tidak bertentangan dengan prinsip pengajaran dan pembelajaran, namun kaedah ini tidak lagi sesuai dan tidak membantu perkembangan minda murid (Roselan Baki, 2003), terutamanya kepada kelompok murid yang kurang menggunakan bahasa tersebut di luar bilik darjah.

Realitinya, lebih ramai murid yang masuk ke sekolah dengan berbekalkan asas bahasa Melayu yang amat terhad atau tidak mempunyai sebarang asas. Bahasa Melayu tidak lagi digunakan untuk berinteraksi dengan rakan-rakan, guru-guru atau dalam kalangan masyarakat, bahkan bahasa Inggeris pula menjadi kemestian untuk berinteraksi. (Kementerian Pendidikan, 2010). Sekiranya hal-hal ini berlanjutan tanpa ditangani, dalam jangka masa yang panjang, matlamat dasar dwibahasa yang menekankan penguasaan dua bahasa yang sama lancar mungkin akan terbantut dan tidak tercapai. Memandangkan masalah murid pada hari ini yang mempunyai cabaran untuk mempelajari dan bertutur dalam bahasa Melayu, maka wajar untuk mencari suatu kaedah yang dapat membantu para guru untuk mengajar kemahiran bertutur dengan menekankan penglibatan murid secara aktif. Oleh itu, kajian ini bertujuan meneroka penggunaan mencari suatu kaedah yang dapat digunakan di dalam bilik darjah supaya murid terangsang untuk bertutur bahasa Melayu dalam persekitaran pembelajaran yang memberikan peluang kepada murid menggunakan bahasa tersebut. Dalam usaha mencari suatu kaedah yang sesuai ini, kajian ini meneroka Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas (PPBT) bagi mengetahui sama ada kaedah ini boleh mewujudkan persekitaran pembelajaran bahasa Melayu yang autentik sambil merangsang murid untuk belajar dan bertutur dalam bahasa Melayu dengan lebih yakin. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mencari jawapan bagi soalan kajian yang berikut:

1. Dapatkah PPBT meningkatkan motivasi untuk bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah?
2. Dapatkah PPBT meningkatkan keyakinan untuk bertutur bahasa Melayu dalam kalangan sekolah rendah?

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN TUGAS (PPBT)

Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Tugas (PPBT) ialah suatu kaedah untuk mengajar bahasa, yang amat berkait rapat dengan pengajaran komunikatif. Dalam PPBT, guru menggunakan tugas sebagai unit utama dalam pengajaran mereka (Willis, 1996) dan penggunaan bahasa ketika melakukan tugas merupakan penggerak perkembangan bahasa (Long, 1989; Prabhu, 1987). Richards dan Rodgers (2006) dan Ellis (2003) mendefinisikan PPBT sebagai satu pendekatan yang mengutamakan tugas yang bermakna sebagai asas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dan proses menggunakan bahasa mengikut konteks yang sesuai dan betul. Menurut Ellis (2003) lagi, PPBT merupakan satu daripada model pengajaran komunikatif yang membolehkan murid menggunakan bahasa untuk menyampaikan tujuan komunikasi dan bukan hanya berfokus kepada penggunaan tatabahasa yang betul sahaja sehingga menjadikan pertuturan mereka tidak autentik. PPBT menekankan pentingnya perihai ‘melakukan dan mengalami’ untuk membantu pembelajaran bahasa. Menurut Khalili Sabet dan Tahriri, PPBT dapat mewujudkan kepelbagaian di dalam bilik darjah dan mengukuhkan pembelajaran kerana PPBT menggalakkan pelibatan murid dan memberikan peluang kepada mereka untuk menggunakan bahasa sasaran (Khalili Sabet & Tahriri, 2014).


Menurut Samuda dan Bygate (2008), dalam PPBT, murid yang belajar bahasa dengan melakukan tugas-tugas pedagogi melalui amali secara langsung akan membantu untuk menerapkan motivasi dan fokus mereka dalam pembelajaran kerana mereka belajar menggunakan bahasa secara holistik. Dorongan yang kuat untuk melakukan atau tidak ingin melakukan sesuatu perkara menjadi pemangkin kepada pembelajaran bahasa (Gredler, Broussard & Garrison, 2004). Kejayaan atau kegagalan menguasai sesuatu bahasa tidak dapat ditentukan oleh keupayaan kognitif sahaja, tetapi turut melibatkan faktor afektif yang antara elemennya adalah motivasi. Faktor afektif ini turut menyumbang kepada kognitif murid untuk belajar. Oleh itu, berjaya atau gagal pembelajaran bahasa yang berkesan bergantung kepada tahap motivasi murid. Antara perkara yang dapat menerapkan motivasi untuk menggunakan bahasa ialah keupayaan dan keperluan dalam menjalankan sesuatu tugas. Murid memerlukan pengajaran yang berkualiti, input, interaksi dan peluang untuk memberikan output yang bermakna bukan sahaja untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa, malahan mengekalkan motivasi untuk pembelajaran bahasa (Eccles & Wigfield, 2002).

Selain motivasi, keyakinan untuk bertutur dalam bahasa sasaran juga memainkan peranan penting dalam pembelajaran bahasa. Menurut Lauster keyakinan diri merupakan kepercayaan kepada kemampuan diri sendiri tanpa terpengaruh oleh orang lain sehingga apabila berkomunikasi atau berinteraksi mempunyai dorongan prestasi dan dapat mengenal kelebihan dan kekurangan diri sendiri. (Lauster, 2012). Keyakinan yang tinggi dapat membantu murid menyampaikan sesuatu mesej dengan lancar. Walaupun murid didapati mempunyai keinginan untuk memperbaiki kemahiran bertutur dalam bahasa kedua, namun, disebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan untuk berbuat demikian dan tidak tahu bagaimana menyampaikan idea, pendengar tidak dapat memahami apa yang diperkatakan (Songsiri, 2007). Keyakinan diri yang tinggi dapat memberi kesan positif kepada pencapaian murid dalam kemahiran bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing. Salah satu cara menerapkan motivasi dan membina keyakinan bertutur bahasa sasaran ialah murid perlu dilibatkan secara langsung dalam pembelajaran bahasa tersebut.

Kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan perkaitan yang rapat antara aktiviti komunikasi dalam tugas yang terdapat dalam PPBT dengan motivasi untuk memmuridi bahasa (Xiong & Moses, 2011; Plews & Zhao, 2010; Barnard & Viet, 2010). Thanh & Huan (2012) juga mendapati bahawa murid amat bermotivasi apabila berjaya menyelesaikan tugas yang bermakna dan mencabar. Murid-murid lebih berminat belajar bahasa Inggeris melalui tugas dan penglibatan dalam tugas jika dibandingkan dengan cara tradisional, iaitu pengajaran secara langsung atau *direct teaching*. Dapatan kajian mengenai persepsi murid yang dijalankan oleh Chuang (2010) juga mendapati bahawa murid-murid amat teruja dan berpuas hati terhadap penggunaan tugas PPBT kerana mereka dapat berkongsi informasi dengan pasangan, membuat tugas secara interaktif dan kreatif sambil bermain peranan. Islam, Ghassem, dan Abdulreza, (2017), turut mendapati perbezaan yang signifikan dalam tahap motivasi dalam kalangan 100 orang murid di Iran. Nancy dan Zamri (2017) juga membuktikan murid Iban di daerah Kanowit, Sarawak mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi sewaktu mempelajari bahasa Melayu sebagai kedua bahasa. Islam et.al (2017) turut mendapati perbezaan yang signifikan dalam tahap motivasi dalam kalangan 100 orang murid di Iran. Begitu juga kajian kuasi eksperimen PPBT yang dilakukan oleh Zhang dan Hung (2012) di China turut menunjukkan pencapaian penguasaan bahasa yang tinggi, peningkatan motivasi yang tinggi untuk bertutur bahasa Inggeris dalam kalangan kumpulan rawatan jika dibandingkan dengan kumpulan kawalan. Guvenc (2017) pula mendapati aktiviti di dalam bilik darjah dapat mempengaruhi motivasi dan persediaan untuk meneruskan pembelajaran dalam kalangan murid. Samperio (2017) yang bersetuju bahawa tugas bukan sahaja meningkatkan motivasi tetapi membantu mengekalkan motivasi.

Menurut Dornyei (2005) dan Gardner (1985) dalam Arslantaş dan Tokel (2018), motivasi adalah bersifat dinamik dan bukan statik. Oleh itu, motivasi boleh berubah-ubah. Motivasi seorang murid boleh meningkat atau menurun berdasarkan kecenderungan atau pelibatangannya dalam perbualan dengan rakan. Motivasi dan pencapaian yang tinggi adalah dua perkara yang saling berhubung kait kerana motivasi yang tinggi akan membawa kesan positif kepada pembelajaran sendiri (Arslantaş dan Tokel (2018). Begitu juga keyakinan diri penting dalam pembelajaran bahasa. Keyakinan diri yang rendah boleh menyebabkan tahap motivasi yang rendah juga dan ini akan mempengaruhi pembelajaran bahasa seseorang (Vendergrift, 2005). Oleh itu, perlu ada aktiviti-aktiviti yang dapat menjadikan murid merasai kejayaan hasil daripada aktiviti yang dilakukan. Murid perlu dilibatkan dengan tugas-tugas yang mudah dan tidak memerlukan masa yang panjang untuk menyelesaikannya pada peringkat awal. Motivasi murid akan meningkat jika mereka mengecapi kejayaan. Jika mereka berjaya menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan dengan mudah dan berpuas hati atas pencapaian yang diraih, maka motivasi mereka akan terus meningkat dan berpanjangan. Lantaran itu, mereka akan lebih teruja untuk melakukan tugas-tugas bahasa yang lain. Oleh itu, kajian ini ingin melihat sama ada tugas-tugas dalam kaedah PPBT yang digunakan dalam kajian ini dapat merangsang murid atau meningkatkan motivasi dan keyakinan mereka untuk bertutur dalam bahasa Melayu.

Model PPBT yang digunakan dalam kajian ini adalah pengubahsuaian daripada model Willis (1996) dan Model Ellis (2003). Rajah 1 menunjukkan model PPBT dengan tiga peringkat tugas dan pengajaran bahasa yang diubahsuai daripada model PPBT Willis (1996) dan Model PPBT Ellis (2003). Pengubahsuaian ini dilakukan berdasarkan profil murid sekolah rendah yang merupakan penutur natif bahasa Melayu tetapi tidak ada atau kurang penguasaan bahasa Melayu.



Rajah 2 Model PPBT yang diubahsuai daripada Model Willis dan Model Ellis

Pada peringkat sebelum tugas, guru akan menyediakan input sebagai perantaraan dalam bentuk arahan, topik dan objektif serta model tugas yang perlu diselesaikan bagi memberikan fokus kepada murid tentang usaha yang harus dilakukan untuk menyelesaikan tugas agar mereka lebih terarah. Pada peringkat persediaan tugas, murid akan berbincang tentang cara melaksanakan tugas dan mengambil nota untuk membuat persembahan secara berpasangan atau berkumpulan. Kemudian, murid akan diberikan peluang untuk berlatih sambil membetulkan perkara-perkara yang harus diperbaiki. Pada peringkat ini juga akan timbul kesedaran (hipotesis sedar) yang membolehkan murid memahami, membetulkan kesilapan lalu mengeluarkan output mereka (Schmidt, 2001). Pada peringkat persembahan tugas, murid akan membuat persembahan setelah berlatih dan mendapat maklum balas untuk memperbaiki persembahan mereka. Mereka juga diberikan peluang untuk merujuk model tugas yang telah dikongsi oleh guru pada peringkat sebelum tugas. Ketika membuat persembahan murid akan terpaksa menggunakan bahasa yang terbaik mengikut kemampuan mereka.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan untuk melihat peningkatan motivasi dan keyakinan bertutur bahasa Melayu. Sampel bagi kajian ini ialah 30 orang murid darjah 5 daripada sebuah sekolah pemerintah. Murid-murid ini bertutur bahasa Inggeris di rumah dan keputusan peperiksaan mereka adalah sederhana. Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah soal selidik yang menggunakan skala Likert 4, iaitu sangat setuju, setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju kerana pengkaji mahu setiap murid memberikan jawapan yang spesifik tanpa mengambil jalan keluar dengan memberikan jawapan 'neutral'. Soalan-soalan dalam soal selidik berfokus kepada motivasi dan keyakinan mereka setelah menjalani PPBT selama lima minggu. Lampiran 1 menunjukkan contoh rancangan pelajaran yang digunakan. Tajuk yang digunakan untuk kelima-lima pelajaran adalah tajuk yang terdapat dalam buku teks yang digunakan di dalam bilik darjah. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan rancangan pelajaran dan soal selidik yang digunakan ini, ujian rintis dijalankan di sebuah sekolah dan pakar-pakar dirujuk untuk mendapatkan nasihat profesional.

Kajian dimulakan dengan mengajukan beberapa soalan tentang minat dan keupayaan mereka bertutur bahasa Melayu sebelum PPBT dijalankan. Soalan ini diajukan bagi mendapatkan maklumat tentang pandangan mereka tentang pembelajaran bahasa Melayu. Selepas itu, guru menggunakan PPBT selama lima minggu dan diakhiri dengan murid menjawab soalan dalam soal selidik (Lampiran 2). Respons daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 25.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan respons murid tentang pembelajaran bahasa Melayu secara am yang dijalankan sebelum PPBT dijalankan. Soalan yang dikemukakan sebelum PPBT ini hanya untuk membantu pengkaji mengetahui perihai pandangan mereka tentang pembelajaran bahasa Melayu. Jadual 2 dan Jadual 3 pula menunjukkan peratusan bagi aspek motivasi dan keyakinan dalam kalangan murid-murid.

Jadual 1: Motivasi Responden Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu sebelum PPBT

Item	SS	S	N	TS	STS
1. Saya suka belajar bahasa Melayu	14 46.7%	7 23.3%	6 20%	1 3.3%	2 6.7%
2. Saya belajar bahasa Melayu kerana saya mahu tahu tentang budaya Melayu.	19 63.3%	6 20%	2 6.7%	1 3.3%	2 6.7%
3. Saya suka akan aktiviti yang dijalankan dalam kelas bahasa Melayu.	14 46.7%	10 33.3%	5 16.7%	0 0	1 3.3%

Nota: SS= Sangat Setuju; S= Setuju; N=Neutral; TS=Tidak Setuju; STS= Sangat Tidak Setuju

Sebelum PPBT, 70% menyatakan mereka suka belajar bahasa Melayu namun ada 20% yang tidak tahu sama ada mereka suka atau tidak belajar bahasa Melayu. Namun, masih ada 10% yang tidak suka belajar bahasa Melayu. Begitu juga 83% belajar bahasa Melayu kerana ingin mengetahui budaya Melayu dan 80% suka aktiviti yang dijalankan di dalam kelas Bahasa Melayu. Dapatan ini menunjukkan murid-murid ini walaupun tidak fasih berbahasa Melayu, mereka mahu belajar dan mendalami bahasa Melayu.

Jadual 2: Motivasi Responden Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Selepas PPBT

Item	SS	S	TS	STS
1. Kini saya suka belajar bahasa Melayu.	21 70%	9 30%	0	0
2. Saya suka dengan aktiviti yang dijalankan dalam kelas bahasa Melayu.	27 90%	3 10%	0	0
3. Tugas yang diberikan sungguh menarik.	27 90%	3 10%	0	0
4. Saya seronok membuat tugas yang diberikan.	26 86.7%	4 13.3%	0	0
5. Jika diberikan peluang saya akan membuat tugas ini lagi.	24 80%	6 20%	0	0
6. Saya seronok dapat bertutur dengan rakan-rakan saya ketika membuat tugas.	23 76.7%	7 23.3%	0	0

Nota: SS= Sangat Setuju; S= Setuju; TS=Tidak Setuju; STS= Sangat Tidak Setuju

Jadual 2 menunjukkan peratusan bagi tahap motivasi murid setelah diajar dengan menggunakan PPBT. Seramai 70% peratus sangat bersetuju bahawa mereka kini suka belajar bahasa Melayu, manakala 30% responden pula bersetuju bahawa mereka kini suka belajar bahasa Melayu. Dapatan daripada soal selidik ini menunjukkan tidak ada responden yang tidak bersetuju dengan kenyataan- kenyataan tersebut.

Jadual 3: Keyakinan Bertutur Bahasa Melayu Setelah PPBT

Item	SS	S	TS	STS
7. Saya yakin untuk bertutur bahasa Melayu.	18 60%	12 40%	0	0
8. Kini saya sudah berani untuk membuat persembahan di hadapan kelas.	9 30%	21 70%	0	0

Nota: SS= Sangat Setuju; S= Setuju; TS=Tidak Setuju; STS= Sangat Tidak Setuju

Jadual 3 menunjukkan 100% daripada responden berasa yakin untuk bertutur bahasa Melayu dan 100% lebih berani bertutur di hadapan kelas selepas tugas-tugas yang dilakukan dalam PPBT.

PERBINCANGAN

Kemahiran bertutur adalah antara cara untuk murid meluahkan idea dan konsep dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Jacobs & Hayirsever, 2016). Melalui pertuturan, murid dapat membina dan memperkaya kosa kata dan kemahiran tatabahasa, akhirnya berupaya mengasah kemahiran menulis mereka (Leong & Ahmadi, 2017). Brown (2001) pula menyifatkan kemahiran bertutur sebagai tanda aras atau *benchmark* kejayaan seseorang dalam penguasaan bahasa. Menurut Hughes A. (2003), salah satu ciri yang harus ada dalam pengajaran bertutur, ialah tugas yang memerlukan pertuturan harus menarik hati murid dan memotivasikan mereka untuk meneruskan pertuturan. Sorotan kajian menunjukkan PPBT dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan murid bertutur dalam bahasa sasaran.

MOTIVASI, DAN KEYAKINAN BERTUTUR BAHASA Melayu

Analisis soal selidik yang diberikan kepada murid setelah menjalani PPBT menunjukkan motivasi dan keyakinan adalah tinggi dan positif. Secara keseluruhannya, kesemua responden menyatakan bahawa mereka suka belajar bahasa Melayu setelah menjalani PPBT. Selain itu, mereka juga gemar melakukan aktiviti dan tugas yang diberikan di dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, dapatan ini adalah berbeza daripada dapatan sebelum PPBT dijalankan. Hanya terdapat 20 peratus responden menyatakan bahawa mereka tidak pasti sama ada mereka suka atau tidak untuk belajar bahasa Melayu. Di samping itu, kesemua responden (100%) juga berpendapat bahawa mereka akan mengulangi tugas yang diberikan jika diberikan peluang dan berasa seronok dapat berinteraksi dengan rakan-rakan ketika melakukan tugas yang diberikan. Hasil kajian ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Gardner dan Lambert (1972) dalam Hamid (2018) yang melihat kaitan antara motivasi dengan pembelajaran. Menurut Hamid (2018), Gardner dan Lambert berpendapat bahawa apabila murid terlibat dalam sesuatu tugas secara aktif, murid tersebut akan mengecapi kejayaan dan seterusnya motivasi untuk bertutur dan belajar bahasa tersebut akan terus meningkat.

Di samping itu, kesemua responden (100%) juga berpendapat bahawa mereka akan mengulangi tugas yang diberikan jika diberikan peluang dan mereka berasa seronok dapat berinteraksi dengan rakan-rakan ketika melakukan tugas yang diberikan. Dapatan kajian daripada soal-selidik perihal motivasi ini juga selari dengan dapatan kajian oleh Thanh & Huan (2012) yang menyatakan murid lebih bermotivasi apabila berjaya menyelesaikan sesuatu tugas yang bermakna berbanding dengan cara *direct teaching*. Begitu juga, dapatan daripada soal selidik selari dengan kajian yang dijalankan oleh Plews & Zhao (2010), Barnard & Viet (2010), Xong & Moses (2011) dan Chuang (2010). Kajian mereka menunjukkan perkaitan yang rapat antara aktiviti tugas dalam PPBT dengan motivasi murid mempelajari bahasa sasaran.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa setelah menjalani pendekatan PPBT kesemua responden (100%) berasa yakin untuk bertutur dalam bahasa Melayu dan mereka lebih berani untuk membuat persembahan di hadapan kelas setelah melakukan tugas yang diberikan (Jadual 3). Kesemua responden (100%) percaya bahawa mereka akan dapat bertutur bahasa Melayu dengan lancar jika mereka terus berlatih. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan kesemua murid yang melakukan tugas dalam kelas melalui



pendekatan PPBT ini berasa lebih yakin untuk bertutur bahasa Melayu. Peningkatan ini menyokong pandangan Willis (1996) yang menyatakan bahawa PPBT tidak memberikan tekanan malahan membuka peluang kepada murid untuk mencuba sehingga berjaya. Hal ini meningkatkan keyakinan untuk bertutur bahasa sasaran. Selain itu, apabila murid terpaksa atau dicabar untuk bertutur ketika melakukan tugas, mereka akan lebih berusaha untuk menyampaikan sesuatu perkara dengan baik. Hal ini turut dijelaskan dalam hipotesis interaktif.

Oleh itu, masalah murid yang tidak bermotivasi, tidak berkecenderungan dan tidak berkeyakinan untuk bertutur bahasa Melayu seperti di Singapura ini boleh diatasi dengan memberikan mereka kebebasan untuk bertutur dalam bahasa Melayu di dalam bilik darjah tanpa sebarang tekanan berbahasa. Tekanan berbahasa yang dimaksudkan di sini ialah tuntutan untuk sentiasa menggunakan bahasa yang betul sahaja tanpa membuat kesilapan. Setiap kali murid membuat kesilapan, guru akan membetulkan kesilapan tersebut tanpa memberikan ruang untuk murid merenung nilai akan kesilapan tersebut. Hal ini boleh menghambat keinginan yang mendalam untuk meneruskan sesuatu perbualan. Oleh itu, melalui pelibatan dalam tugas yang mempunyai empat peringkat, iaitu sebelum tugas, persediaan tugas, persembahan tugas dan pengajaran bahasa, murid dapat meraih pengalaman menggunakan bahasa dan belajar daripada kesilapan.

KESIMPULAN DAN SARANAN

Secara kesimpulan, hasil kajian ini menunjukkan PPBT dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan untuk bertutur bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah. Memandangkan motivasi merupakan aspek penting dalam pembelajaran bahasa, terutama sekali dalam persekitaran penggunaan bahasa Melayu yang tidak diberikan keutamaan, pihak-pihak kepentingan seperti pembina kurikulum dan bahan pengajaran dari kementerian pendidikan harus pertimbangkan untuk mengenalkan dan menggalakkan setiap guru bahasa Melayu agar menggunakan PPBT dalam pengajaran mereka agar murid rasa tersuntik untuk belajar bahasa Melayu dan menggunakannya. Selain itu institusi Pendidikan Kebangsaan (NIE) disarankan agar memasukkan PPBT sebagai salah satu strategi pedagogi dalam kursus guru-guru pelatih.

Secara keseluruhan, PPBT yang dapat meningkatkan motivasi dan keyakinan untuk bertutur bahasa Melayu boleh menjadi salah satu kaedah yang dapat menyelesaikan masalah ketiadaan minat untuk mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu dalam persekitaran sistem pendidikan dwibahasa di Singapura. Pembelajaran bahasa Melayu akan lebih seronok dan pada masa yang sama melahirkan pengguna bahasa Melayu yang cekap seperti yang dituntut dalam Kurikulum Bahasa Melayu 2015. Hal ini sejajar dengan kehendak kementerian pendidikan untuk melahirkan pengguna bahasa ibunda yang aktif dan cekap serta berpegang kepada visi Arif Budiman. Dengan usaha ini, matlamat Kementerian Pendidikan Singapura untuk menjadikan bahasa ibunda, khususnya bahasa Melayu sebagai bahasa yang hidup dapat menjadi kenyataan.

Namun, kajian masa depan juga amat diperlukan untuk menyelidik kesan PPBT terhadap peningkatan kemahiran bertutur dari sudut kualitatif. Dalam kajian ini, tiada pencerapan bilik darjah yang dapat dilakukan sepanjang PPBT ini dijalankan. Pengalaman murid yang terlibat dalam PPBT dapat memberikan maklumat penting tentang implikasi proses yang dilalui oleh mereka. Selain itu, pengalaman guru-guru yang menggunakan PPBT juga dapat digunakan sebagai data kajian menurut perspektif guru. Oleh itu, kajian susulan yang berbentuk kualitatif yang menggunakan temu bual dan pasca persidangan dengan murid dan guru harus dijalankan. Hal ini dapat membantu untuk mendapatkan data perihai penerimaan guru dan murid terhadap PPBT dengan lebih mendalam. Di samping itu, kajian susulan juga boleh dilakukan dengan menggunakan soal selidik selepas setiap tugas yang diberikan. Justeru, data-data ini akan memberikan nilai tambah kepada dapatan kajian yang melibatkan PPBT.



RUJUKAN

- Arslantaş, K. T., & Tokel, S.T. (2018). Anxiety, motivation, and self-confidence in speaking English during task based activities in Second Life. *Kastamonu Education Journal*, 26(2).
- Barnard, R. & Viet, N. G., (2010). Task-based language teaching (TBLT): A Vietnamese case study using narrative frames to elicit teacher's beliefs. *Language Education in Asia*, 1(1), 77-86.
- Chuang, Y. Y. (2010). Implementing task-based language approach to teach and assess oral proficiency in the college EFL classroom. Taipei, Taiwan: National Science Council.
- Dörnyei, Z. (2005). *The psychology of the language learner: Individual differences in second language acquisition*. Mahwah, N. J.: Lawrence Erlbaum.
- Eccles, J.S. & Wigfield, A. (2002). Motivational Beliefs, Values, Goals. *Annual Review of Psychology*, 53, 109-132.
- Ellis, R., (2003). Task-based language teaching and learning. Di dalam Nunan, D. (eds.) (2003). *Task-based language teaching*. Hong Kong: Cambridge University Press.
- Gardner, R. C. (1985). *Social Psychology and Second Language Learning: The Role of Attitude and Motivation*. London: Edward Arnold.
- Guvenc, H. (2017). Secondary school teachers' classroom activities and their perceptions on effectiveness of the activity. *Journal Of Education And Practice*, 8(29), 106-114.
- Hamid Al Ta'ani, (2018). Integrative and instrumental motivation for learning. *International Journal of Learning and Development*, 8(4), 89-105.
- Hughes, A. (2003). *Testing for language teacher*, (2nd Ed). UK: Cambridge University Press.
- Islam, N.D., Ghassem, B., Abdulreza, P. (2017). The effect of task-based language teaching on motivation and grammatical achievement of EFL junior high school students. *Advances in Language and Literary Studies*, 8(2), 243-259.
- Khalili Sabet, Saeedeh Dehghannezhad & Abdorreza Tahriri (2014). The Relationship between Iranian EFL Teachers' Self-efficacy, their Personality and Students' Motivation. *International Journal of Education & Literacy Studies*, 6(4), 7-15.
- Kementerian Pendidikan, (2010). *Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu*: Singapura.
- Lauster, P. (2012). Tes Kepribadian. Terjemahan oleh D. H. Gulo. Jakarta: PT. Bumi Aksara.
- Leong L.M. & Ahmadi Masumeh (2017). An analysis of factors influencing learners' English speaking skill. *International Journal of Research*, 2, 34-41.
- Long, M. (1989). Task, group and task-group interactions. Di Dalam R. Ellis (Eds.) *Task-Based Language Learning And Teaching*. Oxford: Oxford University Press.
- Low EL. (2017) English-Knowing Bilingualism, Lee's "Most Difficult Policy". In: Tan O., Low E., Hung D. (eds) Lee Kuan Yew's Educational Legacy. Springer, Singapore.
https://doi.org/10.1007/978-981-10-3525-8_6
- Mao, Z. (2012)., The Application of Task based Language Teaching to English Reading Classroom. *Theory and Practices in Language Studies*, 2(11), pp. 2430-2438.
- Ngumbang, N., & Mahamod, Z. (2017). Sikap, Minat Dan Motivasi Murid Melanau Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 47 - 58. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.5.2017>
- Plews, J., & Zhao, K., (2010). Tinkering with tasks knows no bounds: ESL Teachers' Adaptations of Task-Based Language-Teaching. *TESL Canada Journal*, 28(1), 41.
- Prabhu, N. S. (1987). *Second language pedagogy*. Oxford: Oxford University Press.
- Richards, J. C. & Rodgers, T. (2006). *Approaches and methods in language teaching* (2nd Ed.). Cambridge University Press.
- Roselan Baki (2003). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Samperio, N. (2017). Discovering students' preference for classroom activities and teachers' activity use. *Colombian Applied Linguistics Journal*, 19(1), 51-66.
- Samuda, V. and Bygate, M., (2008). *Tasks in second language learning*. Basingstoke, England: Palgrave Macmillan.
- Schmidt, R. (2001). Attention. Di dalam P. Robinson (Ed.), *Cognition and Second Language Instruction* Cambridge: Cambridge University Press.
- Songsiri, M. (2007) An action research study of promoting students' confidence in speaking English. Victoria University, Australia. Dimuat turun daripada vuir.vu.edu.au/1492/1/Songsiri.pdf.
- Tan, Ying-Ying & Sumartono, Firqin. (2018). Juggling Two Languages: Malay-English Bilinguals' Code-switching Behavior in Singapore. 12. 108-138.
- Tee Zhou, (2019, Nov 3). Keeping the mother tongue alive: Singapore's bilingual challenge. The Straits Times Singapore. Dimuat turun daripada <https://www.straitstimes.com/singapore/keeping-the-mother-tongues-alive-singapores-bilingual-challenge>.



- Thanh, L., & Huan, N., (2012). Task-based language learning and student motivation in vocabulary acquisition. *Language Education in Asia*, 3(1), pp. 106- 120.
- Willis, J., (1996). A Flexible Framework for Task-Based Learning. DI dalam J. Willis and D. Willis (eds.), *Challenge and Change in Language Teaching* (pp. 52–62).
- Vandergrift, L. (2005). Relationships among motivation orientations, metacognitive awareness and proficiency in L2 listening. *Applied Linguistics*, 26(1), 70-89.
<https://doi.org/10.1093/applin/amh039>
- Xiongyong, C., & Moses, S. (2011). Perceptions and implementation of task-based language teaching among secondary school EFL teachers in China. *International Journal of Business and Social Science*, 2(24), 292-302.



**Lampiran 1 – Contoh Rancangan Muridan PPBT**

Tarikh	:	Minggu 5
Masa	:	60 minit (Isnin) 90 minit (Rabu)
Tajuk	:	Sihat dan Cergas
Objektif	:	Pada akhir pelajaran murid dapat: • bercerita tentang suatu perkara yang didengar/ditonton/dibaca/dialami • menyampaikan maklumat kepada pihak lain dengan pengucapan yang jelas dan betul • mengemukakan idea/pandangan tentang sesuatu perkara secara terperinci, tepat dan tersusun • menyatakan nama-nama jenis makanan (kata nama) dan perasaan mereka (adjektif-perasaan)
Tugasan Utama	:	Pada pendapat kamu, adakah makanan di kantin sekolah kamu atau di Mcdonald menyihatkan? Mengapa? Sekiranya kamu menjadi pemilik restoran, apakah makanan yang akan sediakan? Sediakan satu menu untuk sarapan dan terangkan kepada pelanggan kamu mengapa dia harus memilih menu itu.
Bahan	:	• Lampiran L2 (Slaid powerpoint) • Lampiran L3 (penyusun grafik) • Kertas Sebak dan marker
Aktiviti		
Sebelum Tugasan	:	• Berbincang tentang makanan sihat dan tidak sihat berdasarkan slaid • mendengar penerangan guru tentang objektif pelajaran dan tugasan yang perlu diselesaikan • melihat contoh-contoh menu yang dibawa oleh guru • sumbang saran kosa kata
Penyediaan Tugasan	:	• senaraikan makanan yang diketahui dan mengkategorikan makanan sihat untuk sarapan di kertas sebak • menyediakan menu secara berpasangan dan berlatih mengenalkan menu
Persembahan Tugasan	:	• mengenalkan menu yang disediakan kepada kelas • menjawab soalan yang dikemukakan oleh rakan-rakan
Pengajaran Tugasan	:	• menyenaraikan kata nama di kertas sebak • menggunakan kata adjektif untuk menerangkan makanan yang hendak dijual di restoran mereka
Penutup	:	• menyatakan perasaan mereka ketika menyediakan menu dan cuba menjual makanan di dalam menu yang disediakan.

Lampiran 2 – Soal selidik bagi motivasi dan keyakinan selepas PPBT

No	Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Motivasi					
1)	Kini saya suka belajar bahasa Melayu.	☐	☐	☐	☐
2)	Saya suka dengan aktiviti yang dijalankan dalam kelas Bahasa Melayu	☐	☐	☐	☐
3)	Tugasan yang diberikan sungguh menarik.	☐	☐	☐	☐
4)	Saya seronok membuat tugasan yang diberikan.	☐	☐	☐	☐
5)	Jika diberikan peluang saya akan membuat tugasan ini lagi	☐	☐	☐	☐
6)	Saya seronok dapat bertutur dengan rakan-rakan saya ketika membuat tugasan.	☐	☐	☐	☐
Keyakinan					
7)	Saya yakin untuk bertutur bahasa Melayu.	☐	☐	☐	☐
8)	Kini saya sudah berani untuk membuat persembahan di hadapan kelas.	☐	☐	☐	☐
9)	Jika saya terus berlatih bertutur dalam bahasa Melayu saya boleh bertutur dengan lancar.	☐	☐	☐	☐

